# PERKATAAN BERIMBUHAN

## PERKATAAN BERIMBUHAN (LATIHAN 1)

**ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai bagi melengkapkan setiap item yang berikut. Kemudian, tuliskan jawapan pilihan kamu di dalam tanda kurungan ( ) yang disediakan.**

1 Emak suruh saya kemas kasut-kasut yang __________ di depan pintu itu.

(1) bersepah (2) disepahkan
(3) menyepah (4) penyepah ( )

2 Dalam ____________ ke kampung datuk, saya dapat lihat ladang-ladang kelapa sawit.

(1) berjalan (2) dijalan
(3) jalankan (4) perjalanan ( )

3 Saya menoleh ke belakang apabila ________________ nama saya dipanggil.

(1) dengarkan (2) didengar
(3) mendengar (4) pendengar ( )

4 Siaran Misteri Jam !2 di radio itu menarik ramai ___________.

(1) berminat (2) diminat
(3) meminat (4) peminat ( )

5 Tanggang ____________sebagai seorang anak yang menderhaka.

(1) dikenalkan (2) kenalan
(3) kenalkan (4) terkenal ( )

6 Ramai orang suka pergi ___________ di Pantai Changi pada hari Ahad.

(1) berpancing (2) dipancing
(3) memancing (4) terpancing ( )

7 Lori yang ____________ oleh orang mabuk itu telah melanggar sebatang tiang lampu trafik.

(1) berpandu (2) dipandu
(3) memandu (4) oemandu ( )

8 Saya sedang ____________ ayah mencuci keretanya.

(1) ditolong (2) menolong
(3) penolong (4) pertolongan ( )

9 Kami dengar ____________ Cikgu Sabariah dengan tekun tentang menulis karangan dengan kreatif.

(1) ajaran (2) diajar
(3) mengajar (4) pengajar ( )

10 Kami ambil berat tentang ____________ sekitaran sekolah kami.

(1) bersihkan (2) dibersih
(3) kebersihan (4) terbersih ( )

11 Setiap pagi hari Ahad, ayah akan menemani ibu pergi ____________ di Pasar Geylang Serai.

(1) berbelanja (2) dibelanha
(3) perbelanjaan (4) terbelanja ( )

12 Saya selalu tolong pustakawan ____________ buku-buku di perpustakaan.

(1) disusun (2) penyusun
(3) susunkan (4) tersusun ( )

13 Budak itu leka ____________ bola sepak walaupun hari hujan lebat.

(1) bermain (2) dimain
(3) memainkan (4) permainan ( )

14 Ibu selalu menasihati saya agar jangan ______________ air semasa mandi atau mencuci kasut.

(1) dibazir (2) membazir
(3) pembazir (4) pembaziran ( )

15 Badul yang selalu ganggu kawan-kawannya itu ______________ guru.

(1) dimarahi (2) kemarahan
(3) memarahkan (4) pemarah ( )

16 Pasar yang baru didirikan itu ______________ dengan blok kami.

(1) berhadapan (2) dihadapi
(3) dihadapkan (4) menghadapkan ( )

17 Tangan orang buta itu ______________ oleh anaknya semasa menyeberang jalan raya.

(1) berpimpin (2) dipimpin
(3) memimpin (4) terpimpin ( )

18 Mahat selalu lupa akan waktu untuk bersolat kerana leka ______________ televisyen.

(1) ditonton (2) menonton
(3) penonton (4) tontonan ( )

19 Murid itu dimarahi kerana ______________ di dalam kelas.

(1) dijerit (2) jeritan
(3) menjerit (4) terjerit ( )

20 Tiga orang telah disaman kerana ______________ rokok dari Johor.

(1) diseludup (2) menyeludup
(3) penyeludup (4) penyeludupan ( )

## PERKATAAN BERIMBUHAN (LATIHAN 2)

**ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai bagi melengkapkan setiap item yang berikut. Kemudian, tuliskan jawapan kamu di dalam tanda kurungan ( ) yang disediakan.**

1 Ayah membawa keluarga kami berhijrah ke Australia untuk mencari ______________ baru.

(1) dihidupkan (2) hidupan
(3) menghidpukan (4) penghidupan ( )

2 Subian seorang yang ______________ tetapi sangat pandai dan cerdas.

(1) mendiami (2) kediaman
(3) pendiam (4) terdiam ( )

3 Budak-budak nakal di kolong blok itu ____________ lintang-pukang apabila sebuah kereta ronda polis tiba di situ.

(1) berlari (2) melarikan
(3) pelari (4) terlari ( )

4 Murid-murid sekolah itu ______________ tradisional pada Hari Harmoni.

(1) berpakaian (2) memakai
(3) pakaian (4) terpakai ( )

5 Buah durian itu ____________ mengikut saiznya oleh penjajanya.

(1) berasing (2) diasingkan
(3) mengasingkan (4) terasing ( )

6 Kereta Encik Tan remuk akibat ____________ sebuah lori kontena.

(1) berlanggar (2) dilanggar
(3) langgarkan (4) melanggar ( )

7 Saya disuruh membuat keputusan sama ada saya hendak ______________ darmawisata ke Kampung Melayu itu.

(1) bersertakan (2) disertai
(3) menyertai (4) peserta ( )

8 Pengganas itu melepaskan dua das __________ dan cuba melarikan diri.

(1) ditembak (2) menembak
(3) penembak (4) tembakan ( )

9 Latif dimarahi ___________ syarikatnya kerana suka mencuri tulang.

(1) diurus (2) mengurus
(3) pengurus (4) terurus ( )

10 Saya memberi salam sambil ____________ pintu rumahnya.

(1) diketuk (2) mengetuk
(3) pengetuk (4) terketuk ( )

11 Lantai bilik airnya ______________ dengan menggunakan serbuk soda.

(1) dicuci (2) cucian
(3) mencuci (4) pencuci ( )

12 Kereta yang terletak di tepi jalan itu telah ___________ sebatang pokok yang telah tumbang.

(1) berhempap (2) dihempap
(3) dihempapkan (4) menghempap ( )

13 Ibu bapa kami selalu menggalak kami adik-beradik agar ________________ dengan bersungguh-sungguh.

(1) belajar (2) mengajar
(3) pelajaran (4) pengajar ( )

14 Saya sedang ________ ayah saya cuci keretanya.

(1) bantuan (2) dibantu
(3) membantu (4) pembantu ( )

15 Apabila para ____________ dalam pawagam itu terbau asap, *mereka* berlari keluar daripada dewan itu.

(1) ditonton (2) menonton
(3) penonton (4) tontonan ( )

16 Saya tidak sangka Haji Sesuka yang telah ________ perkara yang keji itu.

(1) berlaku (2) dilakukan
(3) kelakuan (4) melakukan ( )

17 Kami __________ oleh beberapa orang penduduk blok itu kerana bermain bola dan menjerit-jerit di kolong blok itu.

(1) dimarahi (2) kemarahan
(3) memarahi (4) memrahkan ( )

18 Pada setiap malam beberapa orang sukarelawan akan ____________ sekitaran estet perumahan kami.

(1) dikawal (2) kawalan
(3) mengawal (4) pengawal ( )

19 Makanan yang ____________ di atas meja itu telah dihinggapi lalat kerana tidak ditutup.

(1) dihidang (2) hidangan
(3) menghidang (4) terhidang ( )

20 Kawan sedarjah saya yang cacat itu _______ bantuan untuk naik tangga.

(1) diperlukan (2) keperluan
(3) perlukan (4) terperlu ( )

## PERKATAAN BERIMBUHAN (LATIHAN 3)

**ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai bagi melengkapkan setiap item yang berikut. Kemudian, tuliskan jawapan pilihan kamu di dalam tanda kurungan ( ) yang disediakan.**

**1** Saya _____________ sebuah kamus untuk mencari erti perkataan-perkataan susah.

(1) berguna (2) digunakan
(3) gunakan (4) pengguna ( )

**2** Para penonton __________ melihat aksi ahli gimnastik yang cemerlang itu.

(1) bertepuk (2) ditepuk
(3) penepuk (4) tepukan ( )

**3** Baju pencuri itu koyak kerana ____________ kawat duri semasa dia memanjat pagar bangunan itu.

(1) dikait (2) mengait
(3) pengait (4) terkait ( )

**4** Rumah jiran saya telah ____________ pencuri pada malam tadi.

(1) dimasuki (2) dimasukkan
(3) memasuki (4) memasukkan ( )

**5** Ibu ____________ kaki saya yang terkehel dengan minyak urat sebelum mengurutnya.

(1) berlumuran (2) dilumurkan
(3) melumurkan (4) terlumur ( )

**6** Dalam waktu perhimpunan, pengetua sekolah _____________ guru-guru baru di sekolah kami kepada murid-murid.

(1) berkenalan (2) dikenalkan
(3) kenalkan (4) terkenal ( )

7 Encik Ali dan keluarganya ____________ harta-benda mereka dalam kebakaran besar pada malam tadi.

(1) dihilangkan (2) kehilangan
(3) menghilang (4) menghilangkan ( )

8 Penjaja ikan itu ________ harganya kerana hendak menutup gerainya.

(1) berturun (2) diturunkan
(3) menurun (4) turunkan ( )

9 Rosli terpaksa dirawat di hospital kerana ___________ demam denggi.

(1) dijangkiti (2) jangkitkan
(3) menjangkiti (4) penjangkitan ( )

10 Beribu-ribu orang telah _______ akibat peperangan di negara itu.

(1) berkorban (2) dikorban
(3) mengorban (4) terkorban ( )

11 Semasa makan malam di restoran itu, kami ____________ dengan baik.

(1) dilayan (2) layanan
(3) melayan (4) pelayan ( )

12 Ahli-ahli bomba itu berjaya ____________ kebakaran itu dalam masa setengah jam.

(1) dipadamkan (2) memadamkan
(3) pemadam (4) terpadam ( )

13 Kita harus sedar segala ____________ yang telah kita lakukan dan dijadikan teladan.

(1) bersalah (2) kesalahan
(3) menyalahkan (4) pesalah ( )

14 Pemain-pemain pasukan itu terlonjak-lonjak kesukaan kerana __________ pertandingan itu.

(1) dimenang (2) dimenangi
(3) memenangi (4) pemenang ( )

15 Saya tidak pernah __________ hidup di kampung sejak dilahirkan.

(1) amalan (2) amalkan
(3) mengalami (4) penalaman ( )

16 Nenek saya mesti memakai cermin mata kerana __________nya sudah kabur.

(1) dilihat (2) kelihatan
(3) melihat (4) penglihatan ( )

17 Aki telah __________ lebah semasa memetik buah jambu air di kebun datuknya.

(1) diserang (2) menyerang
(3) menyerangi (4) serangan ( )

18 Hang Tuah sudah bersedia untuk __________ serangan musuhnya.

(1) bertentang (2) menentang
(3) penentang (4) tentangan ( )

19 Saya berasa khuatir untuk __________ peperiksaan akhir itu.

(1) berhadap (2) dihadapi
(3) menghadap (4) penghadapan ( )

20 Ayah membenar saya keluar bermain jika semua kerja-kerja sekolah saya itu sudah __________.

(1) diselesai (2) diselesaikan
(3) menyelesai (4) meyelesaikan ( )

## PERKATAAN BERIMBUHAN (LATIHAN 4)

**ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai bagi melengkapkan setiap item yang berikut. Kemudian, tuliskan jawapan kamu di dalam tanda kurungan ( ) yang disediakan.**

1 Pihak polis telah ______________ seorang pendatang haram yang disyaki dalam beberapa kes pecah pintu di sini.

(1) ditangkap (2) menangkap
(3) tangkapan (4) tertangkap ( )

2 Cik Yam suka __________ ruang tamunya dengan bunga tulen.

(1) dihias (2) hiasan
(3) menghias (4) terhias ( )

3 Siti berasa sedih kerana kucing ___________nya mati dilanggar kereta.

(1) disayang (2) kesayangan
(3) menyayangi (4) penyayang ( )

4 Pasukan bola sepak negara kita tewas dalam _____________ itu kerana pasukan lawan terlalu handal.

(1) berlawan (2) melawan
(3) pelawan (4) perlawanan ( )

5 Kita mesti ____________ diri penuh dengan ilmu pengetahuan untuk masa depan yang akan dihadapi.

(1) bekalan (2) bekalkan
(3) dibekal (4) pembekal ( )

6 Segala nasihat ibu bapanya tidak __________ oleh Hamzah yang degil itu.

(1) berpeduli (2) dipedulikan
(3) mempeduli (4) terpeduli ( )

7 Setelah belajar bersungguh-sungguh dengan tekun, Rahmah telah dapat __________ yang cemerlang.

(1) diluluskan (2) meluluskan
(3) kelulusan (4) pelulus ( )

8 Pejalan kaki tujuh puluhan tahun itu mati __________ oleh sebuah lori.

(1) berlanggar (2) dilanggar
(3) berlanggar (4) pelanggaran ( )

9 Jawatankuasa Masjid Sembawang menjalankan __________ derma untuk kerja-kerja membesarkan masjid itu.

(1) dipungut (2) memungut
(3) pemungut (4) pungutan ( )

10 Semua murid mesti patuh kepada __________ sekolah yang telah ditetapkan.

(1) diatur (2) mengatur
(3) peraturan (4) teratur ( )

11 Kereta itu berhenti di tengah jalan raya kerana __________ enjinnya.

(1) dirosak (2) kerosakan
(3) merosak (4) perosak ( )

12 Tembok ruang tamu rumah saya __________ dengan warna putih bersih.

(1) bercat (2) mengecat
(3) mengecati (4) pegecat ( )

13 Nek Minah, jiran saya yang buta huruf itu, meminta saya __________ surat yang baru diterimanya.

(1) bacakan (2) dibaca
(3) pembaca (4) terbaca ( )

14 Emak menyuruh saya ____________ lantai bilik saya yang kotor itu pada masa itu juga.

(1) bersihkan (2) dibersihkan
(3) kebersihan (4) terbersih ( )

15 Pada bulan puasa, para peniaga makanan dapat ___________ yang sungguh lumayan.

(1) beruntung (2) diuntung
(3) diuntungkan (4) keuntungan ( )

16 Ramai kanak-kanak telah mati _____________ kerana tiada makanan.

(1) berlapar (2) dilaparkan
(3) kelaparan (4) melaparkan ( )

17 Rumah orang kaya itu telah dimasuki pencuri pada malam tadi semasa dia sekeluarga _____________ di luar negeri.

(1) adakan (2) berada
(3) diadakan (4) memasukkan ( )

18 Semua murid mesti menyanyi lagu kebangsaan semasa upacara bendera ____________.

(1) dinaiki (2) dinaikkan
(3) menaiki (4) menaikkan ( )

19 Kasut mahal yang diimport itu _____________ daripada kulit buaya.

(1) dibuat (2) membuat
(3) pembuat (4) perbuatan ( )

20 Cikgu Ismail menyuruh kami ______________ buku-buku yang berselerak itu.

(1) diisusun (2) menyusun
(3) susunan (4) tersusun ( )

## PERKATAAN BERIMBUHAN (LATIHAN 5)

**ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai bagi melengkapkan setiap item yang berikut. Kemudian, tuliskan jawapan pilihan kamu dalam tanda kurungan ( ) yang disediakan.**

1 Osman berjaya ______________ peraduan bercerita itu kerana dia rajin berlatih dengan gigih.

(1) dimenangi (2) dimenangkan
(3) memenangi (4) memenangkan ( )

2 Ramai orang ___________________ di hadapan pasar serbaneka itu.

(1) berkumpul (2) dikumpulkan
(3) kumpulan (4) mengumpulkan ( )

3 Hakim mahkamah telah menjatuhkan __________ gantung sampai mati ke atas pengedar dadah itu.

(1) dihukum (2) hukuman
(3) menghukum (4) penghukum ( )

4 Jawatan Presiden adalah jawatan yang ________________ di negara itu.

(1) ditinggikan (2) ketinggian
(3) meninggi (4) tertinggi ( )

5 Dalam kemalangan jalan raya itu, ____________ motosikal itu telah cedera parah.

(1) berbonceng (2) dibonceng
(3) membonceng (4) pembonceng ( )

6 Abu yang suka mencuri itu telah _____________ ibu bapanya.

(1) dimalukan (2) memalu
(3) memalukan (4) pemalu ( )

7 Pengakap-pengakap itu ____________ merentas hutan tebal itu.

(1) berjaya (2) dijayakan
(3) kejayaan (4) menjayakan ( )

8 Congkak adalah sejenis ____________ tradisional orang Melayu .

(1) bermain (2) dimain
(3) memainkan (4) permainan ( )

9 Kita mesti ____________ buku-buku yang dipinjam dari perpustakaan sekolah.

(1) berpulang (2) pulangan
(3) pulangkan (4) terpulang ( )

10 Keluarga kami akan____________ ke Jakarta pada pukul lapan malam ini.

(1) berangkat (2) diangkat
(3) mengangkat (4) terangkat ( )

11 Beberapa orang ____________ telah dapat melarikan diri dari penjara itu.

(1) ditawan (2) menawan
(3) tawanan (4) tertawan ( )

12 Sultan Zulkarnain menghadiahkan ____________ raksasa itu dengan beberapa kepingan wang emas.

(1) dibunuh (2) membunuh
(3) pembunuh (4) terbunuh ( )

13 Pada suatu masa dahulu, penduduk kampung ____________ rumah-rumah mereka secara bergotong-royong.

(1) didirikan (2) mendirikan
(3) pendirian (4) terdiri ( )

14 Saya suka makan ______________ nenek saya yang lazat-lazat itu.

(1) dimasak (2) masakan
(3) masakkan (4) memasakkan ( )

15 Anak-anak Encik Halim itu ____________ dengan penuh kasih sayang.

(1) dibesarkan (2) kebesarkan
(3) membesar (4) membesarkan ( )

16 Kami ditugaskan untuk ____________ sampah di sekitaran sekolah.

(1) dipungut (2) memungut
(3) pungutan (4) terpungut ( )

17 Abas dirotan oleh ibunya kerana ________ adiknya yang kecil itu.

(1) ditumbuk (2) menumbuk
(3) penumbuk (4) tumbukan ( )

18 Murid yang cacat itu dibantu oleh dua orang _______________ semasa turun atau naik tangga di sekolahnya.

(1) berawasi (2) mengawas
(3) pengawas (4) pengawasan ( )

19 Pesakit-pesakit yang menghidap ______________ yang mudah berjangkit itu diasingkan ke dalam sebuah wad khas.

(1) disakiti (2) menyakiti
(3) menyakitkan (4) penyakit ( )

20 Kami dapat membelli pelbagai jenis barang keperluan daripada para _________________ di pasar itu.

(1) berjaja (2) jajaan
(3) menjaja (4) penjaja ( )